

Teroka bidang kaunseling dan kerjaya di Beijing

Mahasiswa UTHM teroka amalan kaunseling dalam kalangan mahasiswa di Beijing

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK

kampus@utusan.com.my

SERAMAI 13 orang mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melaksanakan program dalam bidang kaunseling dan kerjaya di universiti di Beijing, China menerusi program *Mobiliti Outbound Antarabangsa*.

Bertepatan dengan motto UTHM, *Dengan Hikmah Kita Meneroka*, mahasiswa yang menyertai kelab kaunseling dan kerjaya UTHM telah meneroka amalan kaunseling dalam kalangan mahasiswa di Universiti Beijing Foreign Studies.

Di samping itu, mereka terlibat dengan peluang kerjaya dan keusahawanan bagi mahasiswa China dan antarabangsa yang mengikuti pengajian di Universiti Renmin, Normal Universiti dan Jiaotong Universiti di Beijing.

Menerusi lawatan tersebut, para pelajar dari China menyedari betapa cekap dan berkesan universiti di Malaysia dalam menyediakan kaunselor untuk menangani masalah dan menyediakan panduan kerjaya kepada mahasiswa di Malaysia.

Ini kerana berdasarkan sesi perbincangan bersama mahasiswa universiti di Beijing, bimbingan kaunseling dan kerjaya.

Mahasiswa di Beijing perlu berdjikari dalam menentukan hala tuju kerjaya masing-masing.

Dalam program lawatan itu, mahasiswa UTHM juga berkesempatan menabur bakti menerusi program khidmat



SEBAHAGIAN daripada pelajar UiTM yang mengikuti program *Mobiliti Outbound Antarabangsa* di Beijing, China, baru-baru ini.

masyarakat di sekitar Masjid Niujie Beijing selain memberi sumbangan berjumlah 5707 Yuan (RM3000) kepada

anak-anak yatim, penduduk miskin dan masjid.

Program Mobiliti Outbound ke Beijing

turut disertai oleh pensyarah penasihat iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Esa dan Sarebah Warman.